



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْاِخْوَانِ الْاِسْلَامِيَّةِ سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

12 RABIULAKHIR 1445H/ 27 OKTOBER 2023H

PALESTIN BUMI SYUHADA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA:

DIBACA PADA :
ADAM BIN ABDUL HAI

DILULUSKAN OLEH:
Unit. Baiul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

(ال عمران 3:169)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN OLEH ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah SWT di dunia dan akhirat. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan membacakan khutbah yang bertajuk **“Palestin: Bumi Syuhada”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SUBHANAHU WA-TA'ALA

Mimbar hari ini bersungguh-sungguh ingin mengajak hadirin sekalian memperingati satu peristiwa, satu malapetaka yang dahsyat menimpa umat Islam. Malapetaka itu adalah peristiwa yang dinamakan NAKBAH iaitu

kejatuhan Palestin ke tangan Rejim Zionis Israel Laknatullah yang menyebabkan ramai rakyat Palestin telah diusir keluar dari negara mereka. Peristiwa ini berlaku pada 15 Mei 1948, sejak 75 tahun lalu yang telah menghilangkan nilai jati diri umat Islam. Tragedi ini bukan sahaja dirancang oleh Pertubuhan Zionis Antarabangsa bahkan mendapat kelulusan rasmi dari kuasa-kuasa Barat dan PBB. Tragedi tersebut menyaksikan 800,000 rakyat Palestin diusir dari rumah-rumah dan tanah air mereka dan duduk di khemah-khemah pelarian sehingga hari ini. Jumlah mereka kini sudah melebihi jutaan orang dan mereka tidak mendapat sebarang pembelaan yang sempurna.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN OLEH ALLAH,

Kezaliman rejim zionis Laknaktullah tidak berhenti terhadap rakyat Palestin. Sepanjang 2 minggu ini kita menyaksikan serangan terus menerus keatas Gaza. Setakat 25 Oktober 2023 mangsa kekejaman Zionis telah mengorbankan seramai 5,795 orang para syuhada dan 18,000 atau lebih jumlah rakyat Palestin yang cedera manakala 1,450 atau lebih hilang terperangkap di bawah runtuhan. Dunia menyaksikan kekejaman yang dahsyat dilakukan oleh Rejim pengecut Laknatullah ini yang hanya berani menyasarkan Kawasan awam sebagai target serangan mereka. Rakyat Gaza di Palestin lari menyelamatkan diri ke sekolah-sekolah, Masjid dan Hospital. Namun tempat yang dirasakan selamat itu juga turut menjadi sasaran.

Kebahagiaan kanak-kanak Palestin ini diragut oleh kezaliman Rejim pengecut Laknaktullah ini. Kezaliman yang berlaku di Palestin bukanlah merupakan isu-isu kemanusiaan semata-mata malah ianya adalah isu

akidah buat umat Islam. Ia melibatkan penghinaan kepada akidah umat Islam kerana penganiayaan dan penderaan secara khusus terhadap saudara seagama dengan kita yang sama-sama mengesakan Allah SWT. Saudara kita rakyat Palestin ini diseksa, dizalimi dan dibunuh seperti haiwan tanpa mendapat pembelaan sewajarnya.

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Kemuliaan bumi Palestin kini telah pun tercemar sejak penubuhan negara Israel pada 15 Mei 1948. Ia adalah hasil daripada idea Theodor Herzl, seorang pemimpin Gerakan Zionis Antarabangsa yang inginkan sebuah negara untuk bangsa Yahudi. Keamanan yang dikecapi oleh umat Islam di Palestin telah dirampas dengan kejam. Lihat sahaja apa yang telah berlaku di Perkampungan Deir Yasin, Baitul Maqdis. Seramai 245 orang penduduk telah dibunuh tanpa perasaan belas kasihan. Mangsa-mangsa disembelih, dipotong anggota badan mereka serta dirogol. Mereka yang terselamat diarak di sepanjang kawasan kejiranan Yahudi sebelum dibunuh. Israel telah berjaya mengusir penduduk Palestin di Baitul Maqdis dan menguasai lebih 80% kawasan terbabit pada waktu tersebut.

Beberapa tahun yang lepas, rejim zionis Israel telah merampas tanah dan hak milik rakyat Palestin di perkampungan Syeikh Jarrah. Bayangkan sekiranya rumah dan tanah yang kita duduki turun temurun telah dirampas begitu sahaja oleh pendatang asing. Bagaimanakan perasaan kita ketika itu? Apakah tindakan yang akan kita ambil?

Begitulah keadaan rakyat Palestin yang saban hari dan waktu dizalimi, dibunuh dan ditekan oleh zionis Israel. Maka tidak hairanlah jika apa yang

dilakukan oleh HAMAS dalam melakukan Penentangan Taufan Al-Aqsa adalah sebagai tindak balas kekejaman dan kezaliman yang dilakukan rejim zionis Israel selama ini.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Usaha untuk membebaskan bumi Palestin ini telah bermula sejak dari zaman Rasulullah lagi. Agenda untuk meraih kemenangan telah disusun rapi oleh Rasulullah. Baginda telah mengarahkan bala tentera untuk menuju ke Syam, yang ketika itu dikuasai oleh Rom. Bermula pengutusan Usamah, Perang Mu'tah dan akhir sekali pembebasan buat pertama kali masjid Al Aqsa oleh Khalifah Islam yang kedua Saidina Umar Al Khatab.

Ketika ini, golongan Yahudi kembali menguasai tanah suci umat Islam. Apakah kita sedar yang saat ini perlahan-lahan bumi Palestin dan Masjid Al Aqsa diratah oleh zionis dan sekutunya? Sebenarnya, kitalah yang membuka pintu-pintu kezaliman ke atas musuh-musuh Islam kerana kita terlalu lalai dan leka dengan kehidupan dunia. Bilakah kali terakhir kita menangis mengenangkan nasib saudara-saudara kita di seluruh dunia yang sedang berjihad di jalan Allah? Bilakah kali terakhir kita merintih kepada Allah untuk membukakan kemenangan buat umat Islam?

Dalam sebuah hadis mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda ,

Maksudnya: *“Jihad itu berterusan sejak aku dibangkitkan sehingga umatku yang terakhir membunuh Dajjal.”*

Bagi Orang-orang yang berjuang di jalan Allah, kemenangan itu adalah hari yang begitu dinanti-nantikan. Bagi mereka yang mengambil ringan tentang kemenangan Islam, mereka akan terus berada dalam genggaman dunia

yang melalaikan. Coba kita renungi firman Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 154 :

وَلَا تَقُولُوا لِمَن يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمُوتَ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِن لَّا تَشْعُرُونَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengatakan orang yang gugur terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah (bahawa mereka itu) mati. Bahkan sebenarnya mereka itu hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa) tetapi kamu tidak menyedarinya.”

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Benar, bahawa Allah telah menjanjikan kemenangan buat umat Islam di bumi Palestin. Namun, persoalannya di mana kita dalam perjuangan untuk membebaskan bumi Palestin?

Daripada Abi Umamah berkata: Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:**

“Sentiasa akan ada sekelompok dari umatku yang sentiasa berjuang bersama-sama kebenaran, mencabar dan menentang musuh-musuh mereka. Musuh-musuh mereka tidak dapat memberi mudarat kepada mereka sehingga Allah mendatangkan keputusannya. Mereka tetap dalam keadaan demikian.” Maka para sahabat bertanya, “Dimanakah mereka?” Jawab Rasulullah, “ Di Baitul Maqdis dan sekitarnya”. **(HR. Bukhari)**

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Misi untuk membebaskan Palestin ini bukanlah misi yang kecil dan harus diremehkan tetapi ia merupakan misi yang besar kerana ia merupakan misi

akidah dan misi keimanan. Maka apakah peranan yang boleh kita mainkan dalam membantu umat Islam Palestin? Di sini khatib ingin memberi beberapa saranan yang boleh dilaksanakan, antaranya:

Pertama: Kempen boikot produk keluaran Israel dan sekutunya secara besar- besaran. Walaupun kempen sebegini dilihat lebih bersifat bermusim, namun sekiranya ia digerakkan secara berstrategi dan menyeluruh, pastinya memberi kesan lebih kuat. Strategi pemboikotan yang bersasar, mampu melumpuhkan ekonomi konglomerat Israel, sekali gus menghapuskan penguasaan ekonomi mereka.

Kedua: Kempen melalui media sosial. Sememangnya media sosial utama dunia dikuasai Israel seperti Twitter, Instagram dan Facebook, namun dengan kekuatan solidariti umat Islam berjumlah 1.9 billion ini, ia mampu menggegarkan dunia serta mendedahkan kezaliman zionis Israel kepada penduduk Palestin.

Ketiga: Penyaluran dana kewangan. Umat Islam wajib menyalurkan bantuan semampu mungkin kepada badan yang menguruskan sumbangan terus kepada pejuang Palestin.

Keempat: Momentum solidariti kebajikan umat Islam perlu digerakkan sepenuhnya di seluruh dunia bagi membantu rakyat Palestin

Kelima : Memanjatkan doa setulus ikhlas dan bermunajat kepada Allah Yang Maha Perkasa untuk membantu perjuangan Mujahidin di Palestin. Doa adalah senjata bagi orang Mukmin. Umat Islam juga diseru melazimi Qunut Nazilah dalam setiap solat agar Allah memberikan kekuatan dan kemenangan kepada perjuangan Islam di Palestin.

Sebelum khatib menokhtah khutbah hari ini, khatib ingin menyeru sekali lagi agar kita bersama-sama menzahirkan keprihatinan dalam isu Palestin ini. Ambillah peranan semaksimum mungkin dalam membantu saudara kita di sana. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra' ayat 7:

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسْتَوْسُوا
وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبَرَّأُوا مَا عَلُوا
تَبِيرًا

Maksudnya: "Jika kamu berbuat baik(maka taedah) kebaikan yang kamu lakukan itu adalah untuk diri kamu sendiri. Dan jika kamu berbuat jahat, maka (kesannya yang buruk) itu bagi diri kamu sendiri dan apabila datang saat hukuman bagi (membalas perbuatan derhaka kamu) yang kedua, (Kami bangkitkan musuh kamu) untuk menyuramkan wajah kamu (dengan penghinaan dan keanasannya), lalu mereka masuk ke dalam masjid (Masjid al-Aqsa), sebagaimana ketika mereka memasukinya pertama kali dan mereka membinasakan apa-apa sahaja yang dikuasai mereka dengan sehancur-hancurnya."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوعْ وَفَخَامَةِ

الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغُ تَرَاوَتَامِ يَغُ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com